



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 24 JULAI 2019**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------|---|--|
| 1. | MOA BANTU PELADANGNITA PASAR PRODUK KE PERINGKAT ANTARABANGSA – SALAHUDDIN, NEWS, MALAYSIA SHAFQAQA -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. 3. 4. | JENAMA USAHAWAN TERHANGAT, MEGA SAINS, UM -23 K-SHOPPE BIMBING USAHAWAN, MEGA SAINS, UM -24 SASARAN FAMA, MEGA SAINS, UM -25 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 5. 6. 7. 8. | IKAN KITA MILIK ORANG ASING, SUARA SINAR, SH -16 DURIAN MASIH MAHAL, FORUM, UM -20 BERANANG PENGLUAR SERAI, K2, KOSMO -24 STOP DETAIN MALYSIAN FISHBOAT ON DISPUTE WATER ZONE, NATION, SIN CHEW DAILY -8 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|------------|---|-------------|------------|
| Headline | MoA bantu peladagnita pasar produk ke peringkat antarabangsa - Salahuddin | | |
| MediaTitle | Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com) | | |
| Date | 24 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

MoA bantu peladagnita pasar produk ke peringkat antarabangsa - Salahuddin

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) komited untuk terus membantu peladang wanita (peladagnita) dalam memasarkan produk mereka di pasaran domestik dan global.
Baca tapak asal

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|------------|------------|
| 24/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA SAINS | 23 |



RABU • 24.07.2019

UTUSAN
MALAYSIA

Mega

sains

f mega utusan malaysia

Jenama usahawan terhangat

SIAPA tidak kenal jenama Kopiesatu yang merupakan jenama minuman dibangunkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Jenama ini diberi nilai tambah dengan adanya K-Shoppe yang menyediakan platform berniaga kepada usahawan makanan bimbingan agensi berkenaan. Kopiesatu bukan sahaja membawa nama usahawan bimbingan yang kian menampakkan kejayaan, malah seharum aromanya. Jenama tersebut kian berkembang.



WAN FAIZATUL ANIZA ISMAYATIM cuba menyediakan makanan di kedai K-Shoppe di Selangor, Selangor baru-baru ini.

K-Shoppe bimbing usahawan

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

SATU daripada pendekatan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam melahirkan usahawan berkaitan pertanian adalah pembukaan *outlet* di kawasan terpilih. Ini membolehkan pengusaha atau peniaga mendekati pelanggan di mana-mana lokasi terpilih antara tapak pasar tani yang diwujudkan agensi berkenaan.

Salah satu konsep adalah Agrobazaar K-Shoppe Kopiesatu yang telah menjadi satu jenama popular sejak diperkenalkan pada 2011.

Agrobazaar K-Shoppe Kopiesatu merupakan *outlet* runcit dan mini kafe yang bertindak sebagai *outlet* jualan setempat dan promosi bagi produk makanan dan minuman secara dalam dan luar talian untuk produk Kopiesatu dan produk usahawan di bawah bimbingan FAMA.

Pembelian produk runcit boleh dibuat secara atas dan luar talian melalui portal Agrobazaar Online yang di kendalikan sepenuhnya oleh FAMA manakala Agrobazaar K-Shoppe Kopiesatu bertindak sebagai hab bagi pengumpulan dan jualan produk usahawan terbabit.



HANIF RAZALEE menyediakan minuman kopi jenama Kopiesatu yang beroperasi di pasar tani Putrajaya.

Outlet ini bertindak sebagai pusat yang memberikan latihan kepada usahawan Agropreneur dalam menjalankan perniagaan peruncitan dan makanan dan minuman (F&B) menerusi program usahawan perintis Kopiesatu.

Pembukaan *outlet* itu juga memberi peluang dan ruang kepada usahawan untuk memasarkan produk mereka. Ia juga merupakan medan pengumpulan dan pusat jualan setempat bagi produk usahawan serta bertindak sebagai pusat promosi dan pengedaran produk usahawan PKS.

FAMA juga sebelum ini

memperkenalkan konsep jualan secara bergerak minuman kopi berjenama Kopiesatu menggunakan kenderaan sajian makanan (*food truck*).

Seorang usahawan Kopiesatu yang sedang giat dalam perniagaan tersebut mengakui tertarik dengan konsep perniagaan mudah alih yang datang mencari pelanggan.

Hanif Razalee yang terlibat dalam perniagaan tersebut sejak 2017 memberitahu, konsep tersebut membantunya kerana FAMA memberinya peluang berniaga di

tapak pasar tani.

Dia yang memulakan perniagaan tersebut dengan modal RM150,000 mampu menjual antara 30 hingga 70 cawan kopi sehari pada hari biasa dan boleh meningkat kepada antara 70 hingga 100 cawan pada hujung minggu.

"Konsep ini memudahkan untuk berniaga dan saya memang berpuas hati," ujarnya yang berniaga di tapak pasar tani sekitar Putrajaya, Kota Warisan, Stadium Shah Alam dan Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

"Kopiesatu menawarkan harga berpatutan dengan konsep perniagaan makanan yang sesuai.

"Saya mencadangkan mereka yang berminat supaya menghadiri beberapa kursus terlebih dahulu selain mempunyai modal," ujarnya.

Sementara itu menurut Pengurus Besar MyKopiesatu Sdn. Bhd. (MKSB), Wan Faizatul Aniza Ismayatim, setakat Jun

lalu terdapat 4,399 usahawan bimbingan yang terlibat dengan program tersebut melibatkan sebanyak 205 *outlet* K-Shoppe dan dua buah *outlet* K-Shoppe Kopiesatu.

"Jenis produk yang dijual adalah yang sedia dimakan seperti pastri, roti sandwic, kek, produk proses dan keperluan harian lain," ujarnya.



WAN FAIZATUL ANIZA ISMAYATIM

Beliau menyarankan mereka yang berminat menjadi usahawan supaya merebut peluang dan kemudahan yang ditawarkan.

Mereka yang terpilih katanya, akan menerima bantuan perniagaan daripada FAMA sebanyak RM15,000 berupa peralatan perniagaan sebagai modal permulaan.

Katanya, bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk peralatan seperti papan tanda, rak, cat, bahan promosi, pendaftaran tunai (*cash register*), pemanas, pendingin (*chiller*) dan penyejuk beku (*freezer*) mengikut keperluan utama usahawan.



ISHAK ISMAIL (lima dari kiri) bergambar dengan penerima geran sumbangan dalam majlis perasmian K-Shoppe Kopiesatu di Selangor baru-baru ini.



INFO

MYKOPIESATU SDN. BHD (MKSB)

- MyKopiesatu Sdn. Bhd. (MKSB) merupakan anak syarikat milik penuh FAMA dan mula beroperasi pada Oktober 2016.
- **Misi** - Menawarkan produk minuman *specialty coffee* yang berkualiti antarabangsa pada harga mampu beli.
- **Visi** - Menyasarkan Kopiesatu sebagai jenama tempatan *specialty coffee nombor #1* di Malaysia.
- **Objektif MKSB**
- Membangunkan usahawan agropreneur di bawah program keusahawanan FAMA dan MKSB.
- Membuka peluang kepada usahawan memulakan perniagaan minuman kopi dengan modal permulaan yang rendah dan margin keuntungan yang kompetitif.
- Mengurangkan kadar kebergantungan usahawan kepada pekerjaan makan gaji.
- Menyediakan minuman dan makanan yang ringkas mengikut kehendak semasa.
- Mempelbagai produk minuman dan makanan tempatan.
- Mempromosi minuman dan makanan keluaran usahawan tempatan menerusi pembekalan kepada outlet Kopiesatu.
- Memberi latihan Industri On Job Training dan pendedahan suasana kerja yang sebenar dalam menjalankan perniagaan.

Peranan dan Fungsi Outlet Agrobazaar K-Shoppe Kopiesatu

- Pembelian produk runcit boleh dibuat secara atas dan luar talian melalui portal Agrobazaar Online yang dikendalikan sepenuhnya oleh FAMA manakala Agrobazaar K-Shoppe Kopiesatu bertindak sebagai hab bagi pengumpulan dan jualan produk usahawan terbabit.
- Outlet ini bertindak sebagai pusat yang memberikan latihan kepada usahawan Agropreneur dalam menjalankan perniagaan peruncitan dan F&B melalui program usahawan perintis Kopiesatu.
- Memberi peluang dan ruang kepada usahawan untuk memasarkan produk menerusi outlet Agrobazaar K-Shoppe Kopiesatu.
- Merupakan medan pengumpulan dan pusat jualan setempat bagi produk usahawan.
- Bertindak sebagai pusat promosi dan pengedaran produk usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).



Mengenai cabaran yang dihadapi Wan Faizatul berkata, pihaknya sentiasa mencari jalan untuk menjadikan produk yang dibekalkan usahawan lebih tahan lama, kaedah penyimpanan produk yang sesuai dan promosi untuk mencapai nilai jualan yang disasarkan selain terma transaksi yang baik.

Beliau menganggarkan bilangan usahawan dan kedai jenama tersebut akan meningkat dan mereka yang dilatih selama enam bulan.

Pihaknya menyasarkan pembukaan sehingga 32 outlet baharu pada tahun ini di bawah FAMA serta tiga outlet Kopiesatu.

Program Agrobazaar K-Shoppe Kopiesatu yang berkonsepkan jualan industri asas tani (IAT) dan Café yang menyediakan produk-produk proses untuk jualan serta produk yang akan disediakan di premis untuk jualan.

Kopiesatu boleh dianggap menarik sesuai dengan objektifnya iaitu menjadi peneraju bagi usahawan kecil dan sederhana dalam industri berkaitan kopi.

Program tersebut juga bertujuan memenuhi permintaan dalam usaha memajukan industri kopi dan membantu mempromosikan industri asas tani. Pada masa sama program tersebut dapat memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kopi jenama Malaysia yang berkualiti tinggi.

Selain itu, FAMA sebelum ini memperkenalkan MyKopie berperanan membangunkan usahawan MyAgrosis dalam rangkaian institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara dan usahawan muda di pasaran terbuka Malaysia.

Terdapat dua pakej perniagaan yang ditawarkan oleh MyKopie iaitu Kiosk Lipat dan Kiosk Mudah Alih.



ISHAK ISMAIL memasak di K-Shoppe Selayang selepas pembukaan rasminya.

Sasaran FAMA

PENGENALAN program K-Shoppe oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah baik bagi membolehkan lebih ramai usahawan bimbingan dapat diwujudkan.

Program tersebut selaras dengan usaha FAMA untuk membantu usahawan yang sering berdepan dengan masalah untuk mengembangkan pasaran perniagaan mereka.

Bagi tujuan itu, FAMA mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap pembangunan K-Shoppe sebagai agensi pembimbing.

Peranan FAMA antara lain adalah menyediakan peralatan yang diperlukan seperti rak dan alat untuk memamer papan tanda secara pinjaman dan mengecat bangunan jika perlu.

Peralatan tersebut diseragamkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan akan dilabelkan sebagai hak milik FAMA.

Agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga memberi

khidmat nasihat dari segi pengeluaran dan pemasaran, mengadakan promosi dari masa ke masa serta memantau keseluruhan projek agar selari dengan objektif yang dirangka.

Dalam pada itu, usahawan pula mempunyai peranan tertentu supaya sentiasa mengikut panduan yang diberi oleh FAMA.

Sebagai contoh, produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dikeluarkan mesti mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

Usahawan juga perlu sentiasa membuat tinjauan ke atas produk dan permintaan dan sedia menerima teguran daripada FAMA. Mereka juga perlu memastikan premis dijaga kemas, bersih dan teratur.

Mereka juga perlu sentiasa melaporkan prestasi urusan niaga kepada FAMA jika diperlukan serta sentiasa

menerima produk proses PKS daripada usahawan lain untuk dipasarkan.

Dalam pada itu Pengerusi FAMA, **Ishak Ismail** berkata, pihaknya akan mengadakan kerjasama strategik dengan pasar raya besar bagi membuka ruang pasaran bagi mempromosi produk usahawan bimbingan FAMA.

Contohnya kata beliau, kerjasama adalah dengan 11 Pasar Raya Darul Makmur (PDM) milik Majlis Agama Islam Negeri Pahang.

FAMA juga akan menjalin kerjasama dengan beberapa pasar raya lain untuk peluasan pasaran antarabangsa barangan atau produk usahawan tempatan," ujarnya.

"My Food For Ummah juga adalah program membawa dan menjual produk usahawan tempatan ke hotel-hotel di sekitar Mekah dan Madinah tempat jemaah haji menginap," ujarnya.

Ketika ini seramai 4,399 usahawan mendapat bimbingan menerusi program tersebut. Sehingga Mei tahun ini pula, nilai jualan Agrobazaar K-Shoppe melebihi RM50 juta.



KOPIESATU kini menjadi jenama yang menunjukkan kejayaan FAMA membimbing usahawan.

Ikan kita milik orang asing



Analisis
Muka 16

MOHD HAZRIZAL
MOHD HANAPIAH



Sumber perikanan negara kena curi bukanlah cerita baharu. Namun sejak akhir-akhir ini kejadian pencerobohan kian berleluasa.

Nelayan asing terutamanya dari Vietnam begitu bermaharajalela di Laut China Selatan terutamanya membabitkan perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Di perairan Selat Melaka dan Laut Sulu, pencerobohan turut berlaku melibatkan nelayan asing Indonesia, Thailand dan Filipina tetapi tidak seteruk di kawasan Laut China Selatan.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi dalam satu kenyataan berkata, stok ikan laut di Semenanjung Malaysia kini berada pada zon merah (kritikal) dan perlukan pemulihan segera.

Apa punca nelayan asing Vietnam berani menceroboh? Mereka seolah-olah tidak serik walaupun tangkapan dibuat banyak kali oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut Diraja Malaysia, Pasukan Polis Marin, Jabatan Laut Malaysia dan turut dibantu Jabatan Perikanan Malaysia.

Pertamanya, ikan-ikan gred A seperti merah, jenahak, kerisi, kerapu, ibu gelama, sotong termasuk gamat mendapat permintaan tinggi di Vietnam. Spesies ini dahulunya mewah di perairan mereka namun telah pupus disebabkan kerakusan nelayan-nelayan negara itu menangkap ikan menggunakan kaedah pukat tunda.

Seterusnya mereka mengambil peluang menangkap ikan di perairan negara yang luas terutama di kawasan pelantar minyak gas milik Malaysia

yang bersempadan dengan Vietnam.

Nelayan asing Vietnam ini kemudian terus mara hingga menangkap ikan di unjam-unjam milik nelayan tempatan dan juga berani menangkap ikan sehingga ke Johor.

Buktinya pada 18 Julai lalu, APMM Zon Maritim Tanjung Sedili menahan 24 nelayan asing termasuk dua tekong warga Vietnam di kedudukan lebih kurang 19 batu nautika di tenggara perairan Pulau Aur di Johor.

Rampasan dianggarkan bernilai lebih kurang RM6.4 juta termasuk kedua-dua bot, peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dan bahan bakar.

Jika pembaca merasakan betapa beraninya mereka meninggalkan tanah daratan Vietnam hingga sampai ke Johor untuk menangkap ikan, nelayan asing Vietnam ini sebenarnya turut bergerak lebih jauh hingga ke Indonesia, Filipina, China dan Australia.

Kekangan aset

Bercakap mengenai penguatkuasaan, Ketua Pengarah APMM, Laksamana Maritim Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar berkata, kekangan aset bersaiz besar menyebabkan pihaknya bergantung kepada sebuah kapal induk *KM Pekan* berpusat di Kuantan untuk mengawal perairan Laut China Selatan.

Kapal hadiah daripada kerajaan Jepun itu hanya mampu beroperasi sekitar 14 hingga 20 hari di laut. Tempoh singkat itu membataskan operasi berada lama di laut kerana perlu kembali ke pangkalan untuk tujuan pengisian bekalan, bahan bakar dan sebagainya.

Faktor itu juga menjadi punca nelayan asing begitu berani dan agresif sehingga sanggup mencabar anggota penguatkuasa.

Pada 9 Julai lalu kira-kira 97 batu nautika dari Kuala Tok Bali, Kelantan, satu daripada dua bot nelayan asing

Vietnam telah bertindak agresif dengan beberapa kali melanggar *KM Pekan* selain menjatuhkan pukat dalam usaha menghalang pergerakan KM Pekan daripada menahan mereka.

Sikap biadab nelayan asing Vietnam ini menyebabkan kru *KM Pekan* yang diketuai Pegawai Memerintah, Kapten Maritim Che Engku Suhaimi Che Engku Daik mengambil masa empat jam sebelum berjaya memintas bot berkenaan.

Nilai rampasan dalam operasi itu mencecah RM1.5 juta merangkumi bot, peralatan menangkap ikan, sotong yang dikeringkan termasuk tangkapan ikan seberat 1.05 tan.

Dalam menangani pencerobohan nelayan asing, kerajaan perlu segera bertindak termasuk mengambil serius bantahan lebih 300 nelayan Pantai Timur yang mengadakan demonstrasi di hadapan Parlimen di Kuala Lumpur pada 16 Julai lalu.

Tindakan tegas perlu dikenakan terhadap tauke bot tempatan yang meng'alibaba'kan lesen bot mereka kepada nelayan Vietnam, termasuklah mengheret mereka ke mahkamah berbanding sebelum ini hanya membabitkan tekong dan awak-awak bot ditahan. Bot yang dirampas ditenggelamkan untuk dijadikan tukan tiruan.

Kerajaan juga perlu menambah aset seperti bilangan kapal dan bot peronda serta sudah tiba masanya agensi penguat kuasa menggunakan khidmat pesawat tanpa pemandu bagi tujuan risikan melalui udara.

Sekalung penghargaan kepada semua agensi penguat kuasa yang cukup komited melaksanakan tugas menjaga perairan negara termasuk di Sabah dan Sarawak agar stok ikan negara tidak dikaut oleh nelayan asing.

*Mohd Hazrizal Mohd Hanapiah ialah Penolong Editor Sinar Harian



ORANG ramai boleh memilih pelbagai jenis durian yang diminati mengikut selera masing-masing.

Durian masih mahal

SAUDARA PENGARANG.

MUSIM durian kali ini adalah yang paling 'menjadi' pernah kita saksikan. Di mana-mana ceruk atau tepi jalan dan gerai buah-buahan kini seolah-olah meraikan pesta durian. Negara kita sebenarnya kaya dengan pelbagai jenis buah.

Raja segala buah ini memang ramai peminatnya. Tidak kira kaum, durian tetap digemari di mana-mana. Oleh kerana isi durian dikatakan tinggi dengan protein, dikhuatiri boleh memudaratkan terutama sekali mereka yang menghidap penyakit kencing manis atau darah tinggi.

Dalam kerancangan musim durian yang sangat menjadi kali ini, ada satu persoalan bermain dalam minda saya. Kenapa harga durian masih mahal dan rata-rata penjual tetap menggunakan harga timbang? Bukan dijual secara longgok atau ikut harga sebiji sebagaimana musim-musim lalu.

Kenapa yang paling murah adalah RM6 sekilogram sehingga ada mencecah RM25 sekilogram walaupun dari jenis sama. Lambakan durian di mana-mana tetapi apa yang dipersoalkan mengapa penjual durian meletakkan

"Raja segala buah ini memang ramai peminatnya. Tidak kira kaum pun, durian tetap digemari di mana-mana. Oleh kerana isi durian dikatakan tinggi dengan protein, dikhuatiri boleh memudaratkan terutama sekali mereka yang menghidap penyakit kencing manis atau darah tinggi."

harga tinggi?

Sedangkan buahnya hanya diambil atau dibeli secara pukal daripada pemilik kebun di kawasan kampung di pedalaman yang pasti harganya jauh lebih murah.

**SYED ABDULLAH SYED
OSMAN**

Seremban, Negeri Sembilan

KEBANYAKAN pengusaha menjadikan kawasan sawah padi sebagai ladang serai berikutan masalah sistem saliran.



NOR AZMAN menunjukkan tanaman serai jenis paha ayam yang diusahakannya.

Beranang pengeluar serai

TATKALA menjejakkan kaki ke Kampung Sasapan Batu Minangkabau di Beranang, Selangor, penulis terpegun melihat hamparan ladang serai yang menghijau, luas terbentang.

Boleh dikatakan setiap rumah penduduk kampung di situ mempunyai tanaman serai untuk kegunaan sendiri.

Selain terkenal sebagai 'ubat' penghalau nyamuk serta pelbagai serangga, serai juga banyak kegunaannya sama ada untuk tujuan kesihatan mahupun perubatan kerana khasiatnya yang tersendiri.

Mungkin ramai tidak tahu bahawa Beranang yang terletak kira-kira 10 kilometer dari Semenyih di daerah Hulu Langat adalah antara pengeluar serai terbesar di Malaysia.

Jadi, tidak hairanlah jika terdapat kira-kira 500 penduduk di Beranang mengusahakan ladang serai secara kecil-kecilan yang keseluruhannya merangkumi tanah seluas kira-kira antara 283 hingga 324 hektar, untuk tujuan komersial.

Penduduk kampung berkenaan, Nor Azman Md Said, 44, yang mengusahakan tanaman serai di tanah seluas 2.4 hektar berkata, sejak 30 tahun lalu, kebanyakan tanah di Beranang yang asalnya sawah padi mula ditanam dengan serai berikutan masalah sistem saliran yang menyebabkan para petani tidak mengusahakan tanaman padi lagi.

"Memandangkan keadaan geografi tanah di sini seperti tanah liat, penduduk mengambil keputusan untuk menanam serai kerana tanaman itu memerlukan tanah yang lembab sama seperti padi tetapi mudah dijaga.

"Serai di Beranang sentiasa mendapat permintaan tinggi



SERAI dibersihkan dan dasingkan sebelum dihantar ke pasar borong, restoran dan kilang.

sehingga lima tan sehari daripada beberapa buah pasar borong, restoran dan kilang yang terletak di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Melaka," katanya ketika ditemui *Bernama* baru-baru ini.

Menurut Nor Azman yang merupakan generasi kedua keluarganya mengusahakan tanaman itu, terdapat beberapa jenis serai yang ditanam iaitu serai paha ayam, serai gajah dan serai kampung.

Permintaan

"Permintaan terhadap serai gajah kebanyakannya diterima dari sekitar Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Serai jenis itu tidak berapa wangi, namun boleh mencapai sehingga setinggi satu setengah kaki (45.7 sentimeter) dan batang serai yang lebih besar," jelas beliau sambil menambah bahawa serai gajah lebih sesuai untuk hidangan tradisional negeri berkenaan.

Menjelaskan lanjut, beliau berkata serai paha ayam yang

banyak ditanam di kampungnya, mengambil masa kira-kira enam bulan untuk matang sebelum boleh dituai. Serai jenis ini sangat wangi dan sesuai untuk masakan seperti tomyam.

"Kalau ditanya permintaan serai di pasar-pasar di Beranang, memang tak laku kerana setiap rumah di sini tanam serai sendiri," katanya berseloroh.

Bagaimanapun, katanya, isu utama timbul apabila pengusaha di situ tidak dapat menampung permintaan serai yang melebihi bekalan sedia ada.

"Serai yang baru ditanam mengambil masa lima hingga lapan bulan untuk dituai, jadi kami perlu pastikan bekalan serai sentiasa ada dan jika tidak cukup, maka kurangnya pendapatan kami," katanya.

Harga seikat serai yang seberat 4 kilogram ketika ini adalah RM11 dan pada kadar itu, sememangnya memberi keuntungan lumayan sehingga boleh mencecah RM7,000 hingga RM8,000 bagi setiap 0.4 hektar.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Stop detain Malaysian fishboat on dispute water zone | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 24 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 8 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 296 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,970 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,909 |



隆雪华堂和大马渔业总会约百人到印尼驻马大使馆提呈备忘录

(吉隆坡23日讯)隆雪华堂和大马渔业总会约百人大今日到印尼驻马大使馆提呈备忘录,要求印尼政府立即释放被扣押的大马渔船及船员,并停止在印马灰色地带的海域扣押大马渔船。

提交备忘录的目的是要求大使馆协助寻方案找解决大马渔民所面对的问题。备忘录的内容为,即使大马渔船安装渔船追踪器系统(VTU),并确认在灰色海域,但仍发生渔船被印尼海事与渔业部执法人员扣押的事件。

备忘录提到,被扣押的渔船都有向大马渔业局注,渔船都是在争议性水域、专属经济区和国际水域外被扣,并在被扣后被拖进印尼水域。

备忘录提到,马印于2012年1月27日签署海域执法谅解备忘录,要求印方停止在两国争议性水域扣押本国渔船。

隆雪华堂会长拿督翁清玉说,印尼大使馆官员代表接收备忘录后,与两名负责人了解情况,之后也会与隆雪华堂和大马渔业总会设立协商小

组,并由隆雪华堂署理会长谢春荣协助对话。

他说,自2018年初至昨日,已有24艘大马渔船遭到印尼执法当局,在我国与印尼共同宣称拥有的海域遭到扣押,渔民估计因此蒙受约1000万令吉的损失。

他希望我国政府能够正视印尼侵入我国强制拖走渔船一事,早日与印尼政府达成共识,清楚划分双方海域的位置,以避免类似事件再次发生。

速划分海域达共识

大马渔业总会长谢添禧指出,由于印尼侵入我国强制拖走渔船事件愈发严重,以致渔民及家人日夜担心受怕,渔获也大幅下滑,损失惨重。

出席者包括渔总会总务许惠真、隆雪华堂副会长杨有为、总秘书陈松林、民权委员会主席廖国华、社经委员会主席李仕强及吉隆坡海商公会会长辛建佳等。